

**FIKIH KEKAYAAN-TERJEMAHAN AHKAM AL- AGHNIYA’ FI FIQH AL-ISLAMIY.** Oleh Abu al-Mahdi Bihaqqi Muhammad. Penerbit Zaman, Jakarta. 2015. Hlm.335. ISBN 1000020357.

Buku ini merupakan salah sebuah terjemahan karya penulisan Abdullah Lam bin Ibrahim yang dibukukan daripada tesis sarjana beliau. Buku ini diterbitkan pada tahun 2003 oleh Dar al-Nafa'is, Amman, Jordan dan diterbitkan secara digital oleh Michigan Press pada 2009. Buku ini diterjemah ke bahasa Indonesia pada 2015 oleh Abu al-Mahdi Bihaqqi Muhammad dan diterbitkan oleh Penerbit Zaman, Jakarta. Buku ini secara umumnya membicarakan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan kekayaan. Tema dan pola pemikiran penulis terarah kepada satu usaha merubah persepsi masyarakat Islam terhadap kekayaan yang sering diselubungi konsep zuhud.

Abdullah Lam bin Ibrahim merupakan anak kelahiran Republik Sinegal. Beliau dilahirkan pada tanggal 16 Mei 1966. Penulis telah berumah tangga dan dianugerahkan enam orang cahaya mata. Mendapat pendidikan peringkat ijazah sarjana muda pada 1996 dari Universiti Islam al-Imam Muhammad bin Saud cawangan Mauritius dalam bidang Syariah. Kemudiannya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang Fikah dan Usul daripada University of Jordan pada 2002. Beliau seterusnya memperoleh diploma lanjutan dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab dari Kolej Sains dan Teknologi Pendidikan, Universiti Cheikh Anta Diop, Dakar, Sinegal pada 2005.

Dakwah dan pendidikan merupakan bidang yang sebatи dengan jiwa penulis. Beliau merupakan seorang khatib dan pendakwah bebas yang sering menyampaikan syarahan dan dakwah di tanah kelahirannya. Beliau kini berkhidmat sebagai guru bahasa Arab, tenaga pengajar di Pusat Pengajian Islam Kolej Afrika dan Kolej Pemantapan Bahasa Arab & Pengajian Islam di Dakar, Sinegal. Beliau juga merupakan salah seorang anggota dalam Jawatankuasa Pengawasan Syariah di Institut Kewangan Bamikas yang berpusat di Republik Sinegal.

Antara karya utama Abdullah Lam adalah *Ahkam al-Aghniya’ fi al-Feqh al-Islamiy*. Buku ini secara umumnya membicarakan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan kekayaan dan kedudukannya dalam Islam. Penulis mempunyai wawasan yang tinggi dalam memperbaiki persepsi masyarakat Islam terhadap kekayaan lantaran keterlaluan dalam zuhud yang merugikan ekonomi individu dan masyarakat Islam secara keseluruhannya. Ketiadaan buku khusus yang membicarakan tentang aspek ini menjadi faktor pemilihan tajuk dibuat. Penulis juga berusaha membincangkan topik ini dengan cakupan lebih luas dan komprehensif, sekaligus menjadikan buku ini sebagai salah satu rujukan utama dalam bidangnya.

Buku ini mengandungi enam bab iaitu 1. Pengenalan tentang kekayaan dan hukum-hakam yang berkaitan, 2. Syarat-syarat mengumpul kekayaan dan tuntutannya dalam Islam, 3. Hukum-hakam Syariah dalam pengurusan harta, 4. Implikasi kekayaan dan larangan mengambil harta Baitulmal ke atas golongan hartawan, 5. Kekayaan dan kewajipan ke atas golongan hartawan dan 6. Kekayaan negara Islam dan kesan ke atas ketuanannya.

Penulis memulakan bicara dengan membuat kupasan mendalam tentang konsep kekayaan menurut syariah Islam. Definisi kekayaan dibincangkan secara rinci dari tiga perspektif berbeza iaitu dari perspektif syarak, bahasa dan *uruf*. Dari perspektif syarak, kekayaan didefinisikan sebagai lebihan harta yang dimiliki oleh seseorang individu berdasarkan ketetapan had kecukupan yang ditentukan oleh syarak. Dari perspektif bahasa, kekayaan

didefinisikan sebagai had kecukupan dan pemilikan harta yang melebihi keperluan. Manakala dari perseptif *uruf*, definisi kekayaan itu disandarkan kepada *uruf* setempat yang berbeza mengikut tempat dan masa. Ketiga-tiga definisi ini digarap sempurna dan penulis menjelaskan bahawa kekayaan itu lebih terdorong kepada penentuan dari sudut *uruf* berbanding aspek-aspek lain.

Perbincangan awal juga tertumpu kepada penentuan had kifayah atau had kecukupan yang menjadi asas dalam penentuan status kekayaan. Berdasarkan nas-nas al-Quran, al-Hadis dan pendapat-pendapat ulama', had kekayaan itu ditentukan dengan mengambilkira keperluan asas manusia, lebihan harta yang mempunyai tuntutan infaq dan kewajipan mengeluarkan harta bagi golongan yang memerlukan. Perbincangan juga tertumpu kepada penentuan had kecukupan minimum dan had kecukupan maksimum. Walaupun piawaian ini berbeza mengikut tempat dan masa, namun Islam menggalakkan umatnya untuk mencapai had kifayah seperti yang dijelaskan walaupun tidak dikategorikan sebagai kaya. Inilah yang dianjurkan oleh Islam yang dilihat menerusi prinsip *maqasid syar'iyyah* dan keperluan manusia.

Islam tidak melarang umatnya mengumpul kekayaan, malah ia dituntut agama. Namun, Islam sangat mencela penyelewengan dan salah urus tadbir harta yang berlaku akibat penyimpangan dari landasan dan metod yang betul seperti digariskan syarak. Islam juga menggariskan syarat yang perlu diikuti dalam mengumpulkan kekayaan dan tidak sekali-kali menjelaskan hubungan manusia dengan Penciptanya. Manusia perlu menjadikan *maqasid syar'iyyah* sebagai pedoman dalam mengumpul kekayaan yang didasari oleh keperluan menyempurnakan kehendak dan naluri, memenuhi tuntutan diri, mencapai keredhaan ilahi serta menyumbang ke arah pembangunan agama, bangsa dan negara.

Penulis turut membicarakan tentang hukum-hakam yang digariskan oleh syarak berkaitan tatacara dan pengurusan harta kekayaan. Tatacara dan pengurusan yang baik seharusnya bermatlamat mengembangkan harta dan menghindarkan diri daripada kerugian. Selain dari itu, Islam juga melarang golongan hartawan daripada meminta-minta dan mengambil zakat, kecuali dalam perkara-perkara yang dibenarkan.

Golongan hartawan memikul tanggungjawab dan hak yang perlu disempurnakan. Golongan ini mempunyai tanggungjawab kepada Allah sebagai pemilik mutlak kekayaan, hak terhadap ahli keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Maka, hak-hak ini perlu disampaikan kepada golongan-golongan yang ditentukan.

Penulis turut membicarakan tentang sejauhmana pentingnya mengumpul kekayaan dalam karya beliau. Beliau menjelaskan bahawa umat Islam perlu membangunkan ekonomi mereka kerana kelangsungan hidup bergantung kepada kekayaan. Islam tidak melarang umatnya mengumpul kekayaan malah kekayaan adalah pemangkin pembangunan negara seterusnya menjadikan umat ini khalifah di muka bumi. Kekayaan umat Islam dan setiap individu muslim merupakan faktor penyumbang kepada kemajuan ummah. Dalam usaha membangunkan ekonomi dan kekayaan, umat Islam perlu sedar akan tatacara dan syarat yang perlu diikuti. Antara syarat penting yang perlu diketahui oleh umat umat Islam dalam usaha mengumpul harta dan kekayaan adalah (i) harta yang dicari adalah harta yang halal, (ii) berlandaskan prinsip syariah, (iii) perlu mengetahui hukum-hakam syarak yang berkaitan dengan kekayaan dan (iv) tidak menjelaskan ibadahnya sebagai seorang muslim.

Umat Islam yang berusaha mencari kekayaan perlu juga memahami matlamat syarak (*maqasid syar'iyyah*) yang ditentukan di sebalik keharusannya. Pemilikan merupakan fitrah manusia. Setiap manusia mempunyai sikap untuk memiliki sesuatu benda dan tuntutan samada untuk diri sendiri, isteri, anak-anak dan keluarga. Justeru itu, ia perlu disempurnakan dengan berlandaskan syarak. Pemilikan harta dan kekayaan juga perlu berlandaskan prinsip dan penyertaanya dalam membangunkan masyarakat dan negara. Matlamat penting yang tersurat di sebalik keharusan mengumpul harta dan kekayaan adalah mencari keredhaan Allah SWT. Harta dan kekayaan yang dikumpulkan seharusnya menjadikan muslim itu lebih taat kepada Allah, seterusnya meraih pahala dan ganjaran daripadaNya.

Buku ini turut mengetengahkan garis panduan dan hukum-hukam yang berkaitan dengan pengurusan harta kekayaan. Harta yang dimiliki perlu digunakan ke jalan yang dibenarkan oleh syarak. Membelanjakan harta ke jalan yang tidak direhdai oleh Allah menyalahi prinsip *maqasid syar'iyyah* yang digariskan oleh Islam dan ia jelas ditegah. Bahkan, membelanjakan harta di jalan yang diharuskan syarak secara berlebihan juga perlu dijauhi. Namun, dalam beberapa isu kontemporari, ulama' dan fuqaha' berbeza pandangan dan perkara ini dibincang secara komprehensif oleh penulis seperti isu membelanjakan wang membeli rokok, rasuah, membeli anjing buruan serta penjaga ladang dan sebagainya.

Penulis turut mengupas metode pengurusan harta menurut syarak dalam karya ini. Kekayaan datang bersama hak dan tanggungjawab. Kekayaan datang bersama kewajipan menunaikan hak Allah dan hak sesama manusia.

Tuntutan pengurusan harta atau kekayaan perlu menyelesaikan terlebih dahulu hak-hak ke atas agama. Maka tuntutan yang perlu disempurnakan adalah pengeluaran zakat, zakat fitrah, ibadah haji korban dan kafarah. Orang kaya mempunyai kewajiban menunaikan zakat apabila sampai nisabnya. Zakat disyariatkan dengan tujuan untuk membantu golongan susah dan menyantuni golongan fakir. Oleh itu, secara prinsipnya harta tersebut hendaklah diambil daripada pihak yang mampu untuk diberikan kepada golongan yang memerlukan.

Hak ke atas agama yang perlu juga ditunaikan oleh orang kaya adalah zakat fitrah. Kekayaan menjadi penyebab kepada wajibnya menunaikan zakat fitrah. Kekayaan yang dimaksudkan adalah memiliki nisab yang melebihi keperluan daripada harta yang tidak diwajibkan zakat. Walau bagaimana pun, pendapat jumhur menjelaskan bahawa zakat fitrah perlu ditunaikan oleh setiap muslim tanpa melihat status kekayaan. Zakat fitrah dikenakan kepada semua golongan termasuk fakir dengan syarat si fakir tadi mempunyai sedikit kelapangan melebihi keperluan juadah harian untuk diri dan ahli keluarganya pada hari tersebut.

Satu lagi hak yang perlu ditunaikan oleh orang kaya adalah fardhu haji. Fardhu haji merupakan salah satu rukun Islam yang berkait rapat dengan faktor kemampuan. Kemampuan itu dinilai dari dua sudut, sihat tubuh badan dan memiliki harta. Ulama sepakat mengatakan kewajipan haji dituntut kepada orang kaya yang sihat tubuh badan, namun mereka berbeza pendapat tentang had yang diterima pakai dalam menentukan maksud kemampuan dari sudut harta.

Orang kaya juga dituntut mengerjakan korban. Ulama sepakat mengatakan pelaksanaan korban tertakluk kepada kemampuan, namun mereka berbeza pandangan samada kewajipan melaksanakannya tertakluk kepada faktor kaya atau tidak. Hukum korban sunat muakkad bagi yang berkemampuan dan bagi mereka yang mempunyai lebih rezeki melepasai tahap kecukupan bagi keperluan asas yang diperlukan.

Satu lagi kewajipan ke atas orang kaya dalam menyempurnakan hak Allah adalah kafarah. Kafarah dibayar samada dalam bentuk puasa atau harta. Harta yang dimaksudkan dengan memerdekaan hamba, memberi makan atau pakaian kepada orang miskin atau binatang yang dikorbankan. Orang yang mukallaf tidak dibebankan dengan kafarah harta melainkan benar-benar berkemampuan dengan harta yang dimiliki untuk dikembalikan kepada orang miskin dan hamba. Atas dasar itu, jika seorang kaya melakukan perkara yang mewajibkannya membayar kafarah maka kafarah harta wajib dikenakan ke atasnya.

Perbincangan penulis juga bertumpu kepada isu penyempurnaan hak-hak ke atas manusia seperti menjelaskan hutang, pernikahan, perbelanjaan untuk diri, isteri dan keluarga, serta penyempurnaan hak dan maslahat untuk masyarakat awam. Orang kaya mempunyai tanggungjawab menyempurnakan hak sesame manusia.

Islam mewajibkan orang kaya yang berhutang untuk membayar kembali hutang tersebut dan haram baginya melengah-lengahkannya. Membayar hutang merupakan keutamaan dalam penyempurnaan hak ke atas manusia.

Perkahwinan merupakan perkara yang dituntut Islam. Kekayaan mempunyai kesan ke atas perkahwinan, khususnya yang berkaitan dengan keserataan (kafaah). Namun penulis memegang pendapat jumhur menjelaskan bahawa kaya tidak diambil kira dala isu keserataan (kafaah). Ini kerana hanya terdapat tiga elemen sahaja yang diambil kira, iaitu agama, merdeka dan bebas daripada sebarang kecacatan. Penulis berpegang pada pendapat ini, dan kewajipan ini dilihat dari perspektif keperluan mempercepat perkahwinan bagi golongan kaya dan berkemampuan.

Satu lagi hak orang kaya ke atas manusia adalah nafkah. Kekayaan memberi kesan kepada wajibnya seorang kaya menanggung nafkah untuk diri sendiri dan tidak boleh dipikul oleh pihak lain. Nafkah tersebut bermula dengan keperluan utama terlebih dahulu seperti makan, minum, pakaian, tempat tinggal, kenderaan dan seumpamanya. Selain nafkah ke atas diri, nafkah kepada para isteri juga wajib sama ada isteri tersebut kaya atau sebaliknya. Selain dari itu, nafkah perlu diberikan kepada anak-anak, ibubapa dan keluarga terdekat.

Kekayaan juga terkait dengan tanggungjawab awam. Tanggungjawab awam dimaksudkan berkait rapat dengan hak negara dan rakyat. Dalam erti kata lain, golongan kaya mempunyai kewajipan membantu negara dan rakyat yang memerlukan. Sebagai contoh, ketika berlakunya bencana, maka menjadi kewajipan kepada orang kaya secara fardu kifayah untuk membantu negara dengan harta mereka. Perkara ini boleh berlaku juga ketika peperangan di mana dana kerajaan tidak mencukupi mempertahankan negara dan harta orang kaya diperlukan. Oleh itu, ulama menfatwakan wajib ke atas golongan kaya menghulurkan bantuan untuk menyelesaikan krisis dihadapi negara dan masyarakat awam.

Institusi zakat merupakan institusi kewangan Islam yang terbina daripada kekayaan umatnya. Institusi ini bertanggungjawab terhadap segala kutipan dan agihan zakat, fitrah, harta dan sebagainya. Ia merupakan petunjuk jelas tentang kedudukan kekayaan dalam Islam. Institusi ini mampu diperkasakan dengan lahirnya golongan hartawan dan generasi pembayar zakat. Dalam konteks ini, kekayaan dilihat mempunyai peranan dalam memperkasakan institusi zakat kerana Islam mewajibkan umatnya yang memiliki kekayaan dan melebihi had kecukupan untuk mengeluarkan zakat dengan kadar tertentu apabila cukup nisabnya

sekaligus membantu golongan yang memerlukan dan mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan.

Metodologi yang digunakan oleh penulis dalam karya ini sangat jelas dan bersifat holistik. Pendekatan *istiqra* (penelitian mendalam) digunakan dalam menyepadu perbincangan merentas al-Quran dan al-Sunnah, buku-buku fikah, tafsir dan sumber-sumber komtemporari dalam bidang ekonomi dan kewangan. Dalil dan hujahan yang digunakan adalah berpandukan nas-nas al-Quran dan al-Hadis beserta dalil aqli yang komprehensif. Perbezaan pendapat dalam kalangan ulama'-ulama' fikah turut diketengahkan berpandukan prinsip fikah perbandingan.

Secara keseluruhannya, buku ini mempunyai kekuatan pada tajuknya, *Fikih Kekayaan* yang membicarakan hukum-hakam bagi golongan hartawan membawa isyarat yang jelas tentang kedudukan kekayaan dalam Islam. Islam tidak menghalang umatnya menjadi kaya, bahkan menggalakkannya.

Namun, masyarakat Islam sering dimomokkan dengan kekayaan. Kekayaan dianggap bencana kepada manusia yang akan menjerumuskan mereka ke dalam api neraka. Kekayaan sering dikaitkan dengan kemungkaran. Kekayaan sering berkiblatkan kisah Qarun, yang kufur dengan kekayaan dunia. Kisah ini amat memberi kesan sehingga kaya itu dianggap kotor dan terlarang.

Sudah tiba masanya, kisah-kisah hartawan Islam seperti Abdul Rahman bin Auf, Uthman bin Affan, Thalhah bin Ubaidillah, Zubayr bin al-Awwam dan ramai lagi diangkat sebagai teladan umat Islam di Malaysia. Mereka ini bukan sahaja dikenali dengan ketaatan kepada Allah dan Rasul, namun mereka juga tulang belakang yang membangun ekonomi masyarakat Islam pada zaman tersebut.

Konsep zuhud dalam Islam perlu dilihat dari perspektif yang sebenar dan ia tidak seharusnya menghalang umat Islam daripada memiliki kekayaan. Zuhud yang keterlaluan menyebabkan masyarakat semakin menjauh dari kekayaan. Zuhud sering ditafsirkan sebagai anti dunia. Orang yang zuhud dianggap berlepas diri dari urusan dunia, dan hanya beribadah menuju akhirat. Orang kaya dianggap tidak zuhud kerana sering dikaitkan dengan urusan mengejar dunia.

Hakikatnya, zuhud adalah sifat yang dituntut Islam. Zuhud adalah milik orang kaya maupun miskin. Zuhud adalah urusan hati. Orang kaya berumah besar dan berkereta mewah namun tidak leka dalam menunaikan tuntutan zakat dan mengeluarkan infak dan sedekah, maka itulah antara ciri-ciri zuhud. Jiwa zuhud tidak melazimkan seseorang itu meninggalkan urusan dunia, menjadi miskin dan tidak memiliki apa-apa.

Inilah kekuatan yang ditonjolkan oleh penulis dalam karya beliau. Penulis mempunyai semangat yang tinggi dalam merubah persepsi masyarakat Islam terhadap kekayaan. Masyarakat Islam perlu keluar dari label kemiskinan. Masyarakat Islam perlu sedar bahawa memiliki kekayaan itu juga merupakan suatu jihad. Islam perlu menjadi masyarakat pemberi zakat dan keluar dari minda penerima zakat.

Penulis juga menjadi karya beliau sebagai platform memperbaiki sistem ekonomi negara Islam. Karya ini dianggap sebagai satu bentuk teguran kepada pemerintah dalam sebagai satu usaha meningkatkan ekonomi umat Islam. Walau pun teguran yang diberikan agak keras, ia

merupakan medium dan tanggungjawab sosial penulis dalam usaha memperbaiki urus tadbir ekonomi dan kewangan negara Islam secara keseluruhannya.

Satu lagi kekuatan karya ini adalah dari sudut penyampaian. Perbincangan dimulakan dengan pengenalan tentang kekayaan, usaha mengubah persepsi masyarakat Islam terhadap kekayaan, tuntutan mengumpul kekayaan, metod pengurusan kekayaan dan keutamaan membina empayar kekayaan negara Islam yang membentuk kedaulatannya . Susun atur kandungan karya ini sangat baik dan ia merujuk usaha membina kekayaan yang perlu dibina oleh individu muslim sehingga menyumbang ke arah pembinaan empayar kekayaan Islam.

Karya ini agak berat untuk golongan awam. Kandungannya dilihat agak padat dan berat bagi sesetengah pembaca. Istilah yang digunakan juga agak teknikal yang kadang kala sukar difahami oleh masyarakat awam. Namun karya ini sangat bermanfaat dan mempunyai impak positif, khususnya dalam mengubah persepsi masyarakat Islam terhadap kekayaan dan menjadikan zuhud sebagai halangan dalam membina empayar ekonomi umat Islam. Justeru itu, karya ini perlu dibaca dan difahami oleh setiap muslim sebagai satu usaha membangun dan mengukuhkan kekuatan ekonomi umat Islam.

**Abdul Razif Zaini**

Pusat Pendidikan ISESCO di Malaysia

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)